

## Mitos Harimau dalam Pengaturan Adat Masyarakat Kerinci Desa Pulau Tengah, Jambi, Sumatera

HEBRANSYAH USMAN & WAN MOHD DASUKI WAN HASBULLAH

### ABSTRAK

Dalam tradisi lisan masyarakat Kerinci, harimau dikatakan membawa pengertian yang besar. Walau bagaimanapun, sehingga kini wacana mengenai asal-usul dan makna harimau dalam kebudayaan masyarakat Melayu – seperti di Kerinci – secara lebih komprehensif masih terlalu jarang untuk ditemui dalam mana-mana kajian. Hal ini membuatkan beberapa kelompongan dari sudut pandangan dunia masyarakat yang hidup dalam tradisi harimau itu sendiri. Oleh yang demikian, artikel ini akan mengupas mitos harimau menurut pengertian masyarakat Kerinci di Desa Pulau Tengah, Jambi berhubung penegasan aturan adat yang telah wujud di kampung itu sejak dahulu. Sebagai salah satu hasil kerja pendokumentasi tradisi lisan Kerinci menerusi penelitian lapangan selama beberapa tahun, artikel ini diharap dapat menawarkan sumbangan terhadap pelukisan asal-usul harimau dan kaitannya dengan kehidupan masyarakat, khasnya masyarakat Desa Pulau Tengah sehingga boleh difahami dengan lebih jelas tentang makna harimau dalam konteks kebudayaan dan sudut pandangan dunia mereka. Dalam mengkonstruksi pemahaman itu, artikel ini memberikan tumpuan kepada dua aspek, iaitu deskripsi tiga bentuk versi mitos asal-usul harimau di Kerinci, dan fungsinya sehingga ia berguna sebagai alat menstrukturkan peraturan sosial di Desa Pulau Tengah. Sebagai tradisi lisan, mitos harimau telah memberikan suatu sumbangan yang bererti bagi orang Kerinci dalam memperkuatkan kedudukan aturan hukum. Kes-kes serangan harimau tidak dilihat sebagai ancaman dalam pengertian kebudayaan mereka tetapi sebagai teguran ‘orang tua’ untuk menjaga ketertiban sosial.

Kata kunci: harimau, orang Kerinci, mitos, adat, pandangan dunia

### ABSTRACT

The tiger has been known to have considerable significance in the oral tradition of the Kerinci people. However, comprehensive discourses on the origins and actual meaning of the tiger in the Malay cultures, such as that of Kerinci, are almost impossible to find. This gives rise to a flawed perspective of the worldview of the people still living in their ‘tiger tradition’. This article aims to analyse the myth which surrounds the tiger in accordance to the beliefs of the Kerinci people in Desa Pulau Tengah, Jambi with regards to the reinforcement of social rules which have been in existence in the village since many years ago. Based on years of fieldwork documentation on Kerinci oral traditions, this article is a contribution to illustrate the origin of the tiger and its connection with the culture of the community, with special emphasis on the Desa Pulau Tengah community, so that it can be clearly understood with regards to the meaning of the tiger in their cultural context and worldview. In order to construct a deeper understanding, this article emphasises on two aspects, namely; the description of three versions of the mythological origins of the tiger in Kerinci, and the function of this myth as a vehicle to structure the social rules in Desa Pulau Tengah. As an oral tradition, this myth plays a significant role in bolstering the position of customary law. Incidences of tiger attacks are not seen as a threat in their cultural understanding, but as a warning from the ‘elders’ in a process to maintain social order.

Key words: tiger, Kerinci people, myth, custom, worldview

### PENDAHULUAN

Harimau dan hubungannya dengan masyarakat Kerinci bukanlah merupakan suatu perkara yang asing. Kisah harimau yang dimasukkan dengan unsur mistik – yang selalu dipersoalkan tentang kebenarannya – itu selalu menjadi tarikan, lebih-lebih lagi timbul kepercayaan bahawa orang Kerinci dikatakan pandai bertukar menjadi harimau. Kepercayaan tersebut di sesetengah tempat, termasuk di beberapa buah negeri Pantai Barat, Malaysia

masih boleh didengari dan diyakini sebagai fakta yang benar-benar wujud. Memandangkan dalam kebanyakan tradisi lisan masyarakat Melayu sendiri seringkali menyebut tentang harimau sebagai haiwan yang paling dikaitkan dengan elemen spiritual dan magis, maka persoalan tersebut sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi telah berjaya menarik minat para pentadbir dan sarjana Kolonial seperti Swettenham, Skeat, Winstedt dan ramai lagi yang kemudian telah memuatkan kisah-kisah itu dalam karya-karya mereka; sehingga ia dapat dibaca sampai sekarang.

Apakah memang betul orang Kerinci memiliki kepandaian menjadi harimau, atau ia hanya sekadar mitos yang diperbesarkan, tidak lagi relevan untuk dijadikan persoalan sekarang. Namun apa yang jelas, penyebaran kisah-kisah tersebut suatu masa dahulu, ternyata memiliki impak yang tersendiri. Individu-individu yang berketurunan Kerinci, selalu di label atau ‘dikonotasikan’ dengan harimau, khususnya dalam pengertian bahawa mereka (akan selalunya) menjadi pewaris ‘ilmu harimau’ ataupun ‘harimau jadi-jadian’ daripada keluarga masing-masing. Dengan erti kata lain, harimau menjadi simbol identiti pula kepada mereka. Biar bagaimana sekalipun dakwaan terhadap orang Kerinci sebagai memiliki hubungan akrab dengan harimau, ternyata bahawa kebanyakannya laporan yang menyentuh soal berkenaan sebelum ini hanya di rekod berasaskan kes yang wujud di luar lingkungan budaya Kerinci. Hal ini membabitkan gambaran yang kurang tepat sehingga menimbulkan pandangan subjektif yang terkeluar daripada persepsi dan kaca mata orang Kerinci itu sendiri. Sedangkan kewujudan harimau kepada mereka, merupakan natijah daripada kepercayaan yang tercipta menerusi mitos dalam tradisi turun-temurun yang diterima daripada nenek moyang. Dalam tradisi seumpamanya, harimau yang dianggap sebagai simbol sebahagian daripada kuasa alam yang turut terlibat menata permasalahan hidup dalam lingkungan mereka.

#### SOROTAN LITERATUR

Naratif mengenai mistik harimau pernah dikemukakan oleh beberapa sarjana Kolonial sebelum Perang Dunia Kedua. Namun dalam naratif tersebut, mereka tidak menyatakan dengan terperinci tentang kewujudan segala adat, pantang larang, dan ritual khusus yang berkait dengan harimau, lebih-lebih lagi dari sudut pemahaman pengamalnya. Pengkaji-pengkaji seperti Skeat (1984) dan Winstedt (1982) misalnya, hanya menekankan sudut kepercayaan mistik orang Melayu tentang magis harimau yang dianggap unik, tanpa melihat asal-usul dan perkaitan makna harimau tersebut dengan anggota masyarakat yang berkenaan. Lebih dari itu, penumpuan tentang mistik harimau selalu dipandang dalam fungsi perubatan. Hal yang sama pernah diteliti kemudian secara lebih terperinci oleh Peletz (1993) dalam kerja lapangan di salah sebuah daerah di Negeri Sembilan antara tahun 1978-1980. Kajian beliau kemungkinan merupakan kajian terakhir yang menyebut tentang magis harimau.

Sungguhpun begitu, menerusi Swettenham (1903) pula memang sudah diketahui sejak awal lagi bahawa salah satu kelompok yang dirujuk dengan nama suku Kerinci oleh orang Melayu, dikatakan memiliki hubungan yang unik dengan harimau, termasuk juga didakwa memiliki ilmu harimau jadi-jadian. Laporan-laporan seumpamanya, seperti yang pernah ditulis oleh Zainal Abidin bin Ahmad (1922, 1925) tambah memperjelaskan lagi deskripsi bahawa ‘tradisi harimau’ tersebut sememangnya mempunyai kaitan dengan kelompok masyarakat Melayu yang mendiami Pulau Sumatera. Walau bagaimanapun, sehingga saat ini penjelasan mengenai asal-usul dan makna harimau dalam konteks yang lebih khusus masih belum ditemui dalam mana-mana kajian pun, sehingga memberikan kelompongan apabila hendak membicarakannya dari sudut pandangan dunia masyarakat yang hidup dalam tradisi harimau itu sendiri. Penelitian yang merujuk tentang tradisi harimau masyarakat Kerinci hanya mula dilakukan oleh beberapa pengkaji, iaitu Liskha (2007) dan Dedi Haryanto et al. (2013). Namun kedua-dua kajian itu tertumpu kepada aspek koreografi tari dan seni persembahan, bukan diperlihatkan dari segi pemikiran dan kebudayaan mereka.

Mungkin satu-satunya penelitian secara kasar tentang harimau dalam pengertian kebudayaan hanya pernah dikemukakan oleh Hebransyah et al. (2013). Beliau mengupas tentang upacara mengagih harimau; atau disebut sebagai ‘ngageng imo’, iaitu suatu ritual yang dijalankan untuk menghormati kematian harimau di hutan yang berpunca daripada pelbagai sebab. Dalam tulisan Hebransyah, dapat diketahui tentang ritual ‘ngageng imo’ yang ternyata hanya dilakukan oleh masyarakat Kerinci di Desa Pulau Tengah. Ritual itu menunjukkan penghargaan mereka pada harimau sebagai konstruksi makna yang penting dalam kehidupan. Justeru, kupasan Hebransyah mengenai mitos harimau orang Kerinci diperdalamkan lagi menerusi tulisan ini, dengan lebih bersandarkan kepada bahan-bahan tradisi lisan yang dikutip di lapangan.

#### TUJUAN DAN KAEDAH PENELITIAN

Artikel ini menelusuri persoalan mitos harimau menurut pengertian masyarakat Kerinci di Desa Pulau Tengah yang berhubung dengan penegasan aturan adat yang telah wujud di kampung itu sejak dahulu. Desa Pulau Tengah ialah sebuah pedesaan dalam Provinsi Jambi di Sumatera. Masyarakat yang tinggal di pinggiran Danau Kerinci ini merupakan

suatu kelompok asal orang Kerinci yang masih lagi mengambil berat soal-soal tradisi dan warisan neneh moyang mereka, termasuk mempraktikkan upacara ‘ngageng imo’. Dalam masyarakat ini, kepercayaan tentang harimau seperti yang diperteguhkan menerusi mitos tempatan masih kuat, di mana haiwan tersebut dikatakan memiliki pertalian sejarah dan kekerabatan dengan manusia. Berbanding dengan persepsi orang luar, pengertian orang Kerinci sendiri pada mitos harimau akan memperlihatkan beberapa elemen kebudayaan mereka yang unik. Dengan demikian, artikel ini – sebagai suatu dokumentasi – diharap akan dapat memberikan sumbangan penting terhadap pelukisan asal-usul harimau dan kaitannya dengan kehidupan masyarakat Kerinci, sehingga ia memberikan pemahaman dengan lebih jelas pula mengenai makna harimau dalam konteks kebudayaan dan sudut pandangan dunia (*worldview*) tradisi mereka. Dalam usaha mengkonstruksi pemahaman tersebut, artikel ini akan memberikan tumpuan kepada dua aspek, iaitu yang pertama mengenai deskripsi mitos asal-usul harimau, dan yang kedua mengenai fungsi mitos itu pada individu dan kumpulan sosial sehingga ia digunakan sebagai alat menstrukturkan peraturan sosial di Desa Pulau Tengah.

Artikel ini ditulis berdasarkan penelitian lapangan yang telah dikendalikan antara tahun 2007 hingga 2008 dengan menggunakan pendekatan ikut serta. Penelitian etnografi ini pada awalnya dibuat dalam usaha untuk mendokumentasikan tradisi lisan serta beberapa kegiatan yang bersabit dengan mantera perubatan di Kerinci. Kemudian beberapa siri kajian lapangan terus-menerus dilakukan di Desa Pulau Tengah sehingga tahun 2013 untuk mendapatkan maklumat yang lebih dalam lagi tentang mitos harimau yang ternyata tidak pernah mendapat perhatian mana-mana pihak penyelidik sebelum ini. Menerusi pendekatan ikut serta yang mutakhir ini, sejumlah temu bual secara mendalam dilakukan dengan melibatkan beberapa informan penting yang merupakan tokoh adat, tokoh agama, serta orang-orang tua Kerinci di Desa Pulau Tengah. Menerusi beberapa tokoh inilah tradisi lisan yang berkait dengan mitos harimau telah diturunkan. Di samping itu, sumber maklumat turut diperoleh daripada sejumlah informan tentang mangsa yang pernah diserang oleh harimau di luar Desa Pulau Tengah, khususnya yang percaya bahawa serangan itu berlaku kerana mereka melanggar norma kemasyarakatan.

## MASYARAKAT KERINCI DESA PULAU TENGAH

Orang Kerinci merupakan sekelompok manusia yang mendiami pusat lingkaran Melayu inti di Pulau Sumatera sejak 35,000 tahun yang lampau (Idris Djakfar 2001: 25). Mereka tergolong ke dalam suku induk Melayu Proto dengan ciri-ciri fizikal berkulit kuning dan sawo matang, bermata agak sepet, berambut lurus, dengan purata ketinggian badan sekitar 160 cm. Ciri-ciri fizikal tersebut berbeza daripada orang Melayu Jambi, Minangkabau, Riau, dan juga orang Bengkulu pesisir yang kebanyakannya berasal daripada induk Melayu muda. Sehingga sekarang, orang Kerinci yang mendiami kawasan yang dipanggil sebagai ‘daerah Kerinci’ di Jambi itu berjumlah sekitar 350,000 orang.

Batas geografi daerah Kerinci bersempadan dengan Padang di sebelah baratnya, manakala di sebelah timur pula bersebelahan dengan Kota Madya Jambi. Di sebelah utara, ia berbatasan dengan Muko-Muko, Bengkulu. Di sebelah selatannya pula bertemu dengan Rejang Lebong, Bengkulu. Keluasan daerah Kerinci sekitar 42,000 kilometer persegi dengan purata ketinggian daripada aras laut antara 800-3,805 meter. Desa Pulau Tengah merupakan sebahagian daripada permukiman daerah Kerinci. Ia berada di pinggir Danau Kerinci, iaitu di kaki Gunung Raya dengan keluasan sekitar 6 kilometer persegi. Jumlah penduduknya lebih kurang 8,000 orang. Jarak Desa Pulau Tengah dari pusat bandar Kerinci, iaitu Kota Madya Sungai Penuh adalah sejauh 16 kilometer.

Landskap daerah Kerinci bergunung-ganang. Terdapat sebuah gunung berapi yang masih aktif dengan ketinggian 3,805 meter daripada aras laut. Selain itu, terdapat juga beberapa lokasi air terjun dan juga tasik, misalnya Danau Gunung Tujuh, Danau Lingkat, Danau Belibis, dan Danau Kerinci. Kesemuanya merupakan kawasan tадahan air yang utama. Sebahagian besar air tадahan itu mengalir ke Sungai Batang Hari di Jambi terus menuju Laut China Selatan. Sebahagian kecil alirannya pula bergerak ke Sumatera Barat dan menghala Lautan Hindi. Keadaan alam daerah Kerinci boleh dikatakan masih lagi terpelihara, meskipun penerokaan hutan tetap giat dilakukan di kawasan sekitar. Alam daerah Kerinci inilah yang menjadi penaung bagi kebanyakan hidupan flora dan fauna di Pulau Sumatera, termasuk juga habitat spesies harimau belang Sumatera (*panthera tigris sumatræ*) yang kini terancam (Hartana & Martyr 2001).

Dalam sejarah pemerintahannya, daerah Kerinci tidak pernah mempunyai sistem kerajaan. Setiap desa dipimpin oleh seorang dipati yang bertindak sebagai ketua lembaga adat mengikut susur galur pihak perempuan (*matriarchal*) (lihat Yunasril Ali 2005). Hal ini kekal diperlakukan sehingga sekarang. Dalam aktiviti sehari-hari, orang Kerinci bekerja dalam sektor pertanian tradisional, iaitu dengan mengerjakan sawah padi dan ladang. Kelompok masyarakat yang berada di pinggiran Danau Kerinci yang seluas 40 kilometer persegi itu pula sebahagiannya bekerja sebagai penangkap ikan dengan menggunakan alat-alat yang sederhana. Selain itu, ada juga yang bekerja sebagai peniaga dan menjadi kakitangan kerajaan. Dalam kehidupan spiritual, orang Kerinci kuat berpegang kepada syariat Islam. Pada setiap desa akan terdapat masjid dan surau, malah selalu pula rumah-rumah individu menjadi pusat kegiatan keagamaan. Bagaimanapun, mereka masih tetap mengekalkan kepercayaan tradisi warisan nenek moyang. Warisan ini termasuklah yang bersifat magis atau berkait dengan animisme, dan juga memperlihatkan hubungan ‘sinkretis’ dengan elemen-elemen kepercayaan yang terdapat dalam agama Hindu, Buddha dan Islam (Hebransyah et al. 2013: 5).

## MITOS

Secara etimologi, mitos (*myth*) berasal daripada perkataan Yunani (*muthos*), yang membawa maksud tuturan. Namun secara epistemologi, mitos lebih difahami sebagai konsepsi tuturan (yang pada awalnya selalu berbentuk) lisan mengenai cerita asal-usul (atau sejarah) yang pernah disusun pada masa lampau. Cerita-cerita itu berisi mesej yang menjelaskan tentang kejadian alam, kewujudan manusia luar biasa yang separuh dewa, para pahlawan ataupun makhluk luar biasa yang dikagumi oleh pengikut sesebuah kebudayaan (Kirk 1984: 57). Mitos muncul sebagai ingatan berhubung peristiwa ‘sejarah’ dan asal-usul sesebuah masyarakat; yang kadang-kadang bertindak sebagai alegori atau personifikasi untuk menerangkan tentang gejala alam dalam lingkungan mereka. Ia juga berperanan ‘melogikkan’ makna mengenai sesuatu ritual yang diperlakukan. Dalam kes ini, mitos menyampaikan pengalaman spiritual atau ideal, dalam usaha untuk membentuk model sifat-sifat tertentu sebagai bahan pengajaran atau konsep aturan dalam sesebuah masyarakat. Dengan

demikian, mitos mesti ditanggapi sebagai suatu hal atau keadaan yang benar-benar terjadi dan faktanya perlu dipercayai.

Pelaku watak mitos biasanya terdiri daripada entiti yang memiliki keupayaan dan bakat yang aneh, ataupun sekurang-kurangnya mempunyai daya supernatural (Bascom 1984: 9). Dalam keadaan tersebut, apa yang dituturkan menerusi mitos dianggap sebagai kisah yang di legitimasi – suci dan benar. Legitimasi mitos pada umumnya didukung oleh tokoh penguasa atau pimpinan dalam masyarakat. Hal ini selanjutnya akan menjadikan bagaimana mitos dalam masyarakat berkenaan dapat diterima sebagai kisah yang benar-benar terjadi pada zaman lampau; di mana ia berperanan dalam menunjukkan bagaimana dunia mereka memperoleh bentuknya seperti sekarang, begitu juga dengan bagaimana tradisi, lembaga, dan aturan sosial dalam masyarakat mula ditetapkan (Eliade 1963: 23; Dundes 1984: 1).

Dengan erti kata mudah, mitos merupakan penanda bagi sesebuah kebudayaan. Melalui mitos, dapat ditelusuri akar masa lalu bagi sesebuah kebudayaan dalam pelbagai gambaran motif spiritual dan ideal masyarakat yang akhirnya memberikan pula tautan imej dan citra generasi mereka sekarang. Dalam konteks ini, mitos menjadi pancang yang menjaga batas tradisi dan peraturan masyarakat dalam sekian waktu, sehingga tradisi dan peraturan itu kekal diperlakukan. Justeru, gambaran motif spiritual dan ideal pada mitos memperlihatkan tentang ‘keberadaan’ dunia dan manusianya seperti yang dipersepsikan oleh mereka; menerusi penurunan tradisi (lisan) yang mencerakin gejala alam secara imaginatif. Konsepsi daripada hasil cerakinan itu acap kali disamakan dengan totemisme, seperti yang disangka oleh Durkheim (1961) sebagai pemujaan terhadap simbolisasi binatang atau tumbuhan yang ‘dikeramatkan’ dan pemilikan ikatan kekerabatan antara manusia dan objek yang disimbolisasikan itu.

Menerusi penciptaan mitos, suatu hal yang jelas dilihat ialah pandangan tegas orang Kerinci berasaskan sudut pandangan dunia tradisi mereka yang menerima harimau bukan sahaja sebagai unsur alam, malah harimau itu sendiri dianggap sebagai sebahagian daripada diri mereka. Harimau diperlihatkan hubungannya dengan identiti orang Kerinci menerusi simbol (totem) hasil tuturan tradisi lisan (mitos) tersebut (Hebransyah et al. 2013: 9). Namun begitu, harimau bukanlah elemen ‘kekudusan’ yang dipuja seperti yang difahami oleh Durkheim (1961). Sebaliknya, selaras dengan apa

yang telah disebut oleh Radcliffe-Brown (1965), orang Kerinci melalui mitos dapat menyediakan ruang solidariti dan identifikasi kumpulan mengikut pengaturan adat dan kepercayaan yang membentuk ikatan konvensional di antara mereka. Dengan maksud yang lebih jelas, mitos harimau menangkap perlakuan kolektif mereka dan meletakkannya ke dalam konteks pengaturan adat dan tradisi yang tersendiri.

### Fungsi Mitos

Mircea Eliade (1963: 8) berpendapat bahawa salah satu fungsi mitos yang penting ialah membangunkan suatu model perlakuan ideal dalam masyarakat. Dengan memperagakan mitos, ahli masyarakat merasakan bahawa mereka dekat dengan tradisi lampau. Honko (1984: 49) menegaskan bahawa dalam beberapa kes, terdapat ahli sesebuah kebudayaan yang cuba menghidupkan mitos kerana untuk menciptakan kembali suasana zaman mitik (*mythic*). Sebagai contoh, kaedah perubatan yang dilakukan oleh ‘dewa’ pada masa lalu dipakai kembali untuk manfaat perubatan pada masa sekarang. Dalam kes ini, Roland Barthes (1972) sendiri melihat bahawa budaya manusia moden akan mengeksplorasi pengalaman spiritual. Hal ini kerana rasionaliti-saintifik tidak pernah menegakkan moral manusia, malah sikap moral hanya tercapai dengan pengalaman spiritual, lebih-lebih lagi dalam upaya untuk menghubungkannya dengan sikap dan rasa moral dunia masa lampau yang bertentangan sekali bentuknya dengan dunia kini yang moden.

Dalam pada itu, Joseph Campbell (1998: 22-23) pula pernah menyebut bahawa mitos memiliki empat fungsi utama, iaitu fungsi mistik untuk menafsirkan kekaguman pada alam semesta (atau gejalanya); fungsi kosmologi untuk menjelaskan bentuk alam semesta; fungsi sosiologi untuk mendukung serta mengesahkan perlakuan dan aturan sosial yang tertentu; dan fungsi pedagogi untuk memastikan manusia berupaya menjalani kehidupan dalam apa jua keadaan sekalipun. Berdasarkan penjelasan Campbell, mitos difahami sebagai mempunyai peranan dan fungsi dalam struktur masyarakat. Fungsi itu melekat secara peribadi mahupun secara kolektif. Dalam konstruksi sosial masyarakat tradisional, mitos menjadi pengikat nilai-nilai kebudayaan, moral sosial dan norma pada strukturnya sehingga menampakkan konstituen nilai dan peraturan hidup ideal dalam masyarakat. Dalam konteks ini, mitos pada tahap tertentu

boleh pula dilihat sebagai suatu bentuk kearifan tempatan, iaitu dalam kerangka kebijaksanaan aturan bermasyarakat. Oleh yang demikian, mitos secara horizontalnya memperlihatkan hubungan antara yang dipimpin dengan pemimpin yang secara luas mempunyai peranan sebagai alat legitimasi, di mana ia memberikan keistimewaan kepada pemimpin untuk mengukuhkan pengaturan adat yang diperaktikkan dalam tradisi tersebut sejak sejauh lama.

### MITOS HARIMAU DALAM MASYARAKAT KERINCI

Dalam tradisi lisan Kerinci, terdapat tiga bentuk versi penurunan mitos tentang asal-usul harimau. Menerusi versi yang pertama, dapat dilihat bahawa konteks asal-usul itu tidak menampilkan elemen pengaruh Islam, sementara versi yang kedua pula menunjukkan hal sebaliknya. Versi ketiga mengandungi kompleksiti asal-usul yang berada pada konteks sejarah keluarga individu-individu tertentu di daerah Kerinci. Ketiga-tiga bentuk versi mitos itu masih dituturkan sebagai tradisi lisan turun-temurun sehingga sekarang. Berikut dikemukakan tiga bentuk versi mitos asal-usul harimau di daerah Kerinci secara ringkas:

#### Mitos Asal-usul A

(Menurut Harun Pasir):

Versi pertama bermula dengan kisah Bujang Nunggal yang baru berkahwin. Pada masa itu, isteri Bujang Nunggal yang sedang hamil sering mengikut suaminya pergi ke ladang di kaki Gunung Raya. Pada suatu hari, isteri Bujang Nunggal telah dihampiri oleh seekor harimau. Oleh kerana takut isterinya dibaham harimau, Bujang Nunggal telah membaling sebilah keris mengenai badan harimau. Dengan kesakitan, harimau tersebut lari ke hutan. Selang beberapa hari, Bujang Nunggal terjumpa dengan seorang hulubalang raja dari Negeri Pasemah.<sup>1</sup> Hulubalang itu meminta bantuan Bujang Nunggal untuk mengubati seorang puteri raja yang sedang sakit di Negeri Pasemah.

Atas rayuan hulubalang itu, Bujang Nunggal bersedia untuk mengubati puteri raja dengan ikhlas. Akhirnya, Bujang Nunggal pergi ke Negeri Pasemah. Di sana ia disambut oleh raja. Semasa Bujang Nunggal melihat keadaan puteri raja, ia terperanjat. Jantung Bujang Nunggal berdebar-debar seperti dipanah petir kerana ternyata keris

yang tertikam pada badan puteri itu adalah kerisnya. Setelah itu, Bujang Nunggal mencabut keris yang tertikam di tubuh puteri raja. Dengan jasa baik Bujang Nunggal, raja meminta dia berkahwin dengan puteri itu. Bujang Nunggal bersetuju untuk menebus dosa yang harus dibayar dengan cara berbudi bahasa, seperti kata orang-orang tua ‘hutang emas dibayar emas, hutang nyawa dibayar nyawa, dan hutang budi dibawa mati’.

Setelah beberapa tahun, Bujang Nunggal memperoleh seorang anak lelaki hasil perkahwinannya dengan puteri raja. Oleh kerana terlalu lama tinggal di Negeri Pasemah, dia rindu hendak pulang ke kampung halaman. Untuk itu, Bujang Nunggal membawa anak dan isterinya bersama-sama. Namun sebelum bertolak, raja telah berpesan kepada puterinya; ketika hendak minum air di sungai, hendaklah mengambil daun kayu sebagai cawan untuk mengambil air. Jika pantang ini dilanggar, puteri raja akan berubah, iaitu kembali kepada asal menjadi harimau. Ketika dalam perjalanan menuju ke kampung Bujang Nunggal di Desa Pulau Tengah, puteri raja telah melanggar pantang tersebut dengan meminum air di Sungai Tapang menggunakan mulutnya. Akibatnya, puteri raja kembali menjadi seekor harimau. Dengan demikian, puteri raja bersama anak lelakinya terpaksa kembali ke Negeri Pasemah meninggalkan Bujang Nunggal yang tetap ingin pulang ke kampung menemui anak isterinya yang telah ditinggalkan selama tujuh tahun.

Justeru, Bujang Nunggal mempunyai dua orang anak lelaki yang berlainan ibu. Seorang daripada anak lelakinya berketurunan harimau di Negeri Pasemah, manakala seorang lagi berketurunan manusia biasa yang hidup di Desa Pulau Tengah. Kedua-dua orang anaknya hidup terpisah, di mana seorang hidup di hutan belantara, dan seorang lagi tinggal di kampung. Setelah dewasa mereka bertemu, dan oleh kerana tidak saling kenal-mengenal, maka terjadi pergaduhan di antara kedua-dua bersaudara itu. Ia menyebabkan kaki anak Bujang Nunggal yang hidup di hutan terkena libasan pedang yang tajam sehingga menjadi kudung. Ekoran itu, ia digelar dengan nama ‘harimau tingkis’ (harimau tempang).

Dengan adanya permusuhan antara dua orang bersaudara itu, Bujang Nunggal sebagai bapa telah membuat suatu perjanjian damai. Dalam perjanjian tersebut, harimau tingkis diminta agar tidak menyimpan dendam, malah sanggup hidup saling menjaga di antara satu sama lain. Sekiranya ada anak cucu keturunan harimau tingkis yang

terluka atau mati di hutan, penduduk di desa perlu mengadakan upacara menghormati kematian harimau itu yang disebut dalam tradisi lisan sebagai ‘luko bapampah, matai mambangun’ (luka dipampas, mati membangun). Apabila perjanjian dan pantang-larang harimau tidak dijaga, maka harimau yang hidup di hutan akan mengganas turun ke kampung. Perjanjian ini telah mengekalkan ritual ‘ngageng imo’ (mengagah harimau) sebagai menghormati ikatan persanakan pada harimau yang dianggap sebagai nenek moyang orang Kerinci daripada sebelah jurai keturunan ‘moyang tingkaih pamangku Gunung Rayo’ (moyang harimau tempang pemangku Gunung Raya).

### **Mitos Asal-usul B**

(Menurut Ismail Tengkudji dan Haji Nurdin): Versi kedua mengatakan asal-usul harimau berasal daripada anak kepada Ali bin Abu Talib, ataupun disebut secara lisan sebagai Baginda Ali yang merupakan sepupu Nabi Muhammad s.a.w. Anak Baginda Ali dikatakan telah melakukan perbuatan terkutuk seperti orang fasik, iaitu menjilat darah tembuni ibunya yang sedang bersalin. Bagi masyarakat Kerinci Desa Pulau Tengah, mitos ini hanya dianggap sebagai cerita untuk mengisi masa lapang dengan tidak mempersoalkan kebenarannya. Dikatakan bahawa isteri Baginda Ali yang sedang melahirkan seorang anak di sebuah rumah yang berbentuk panggung. Di bahagian bawah rumah itu tidak berdinding, hanya terdapat beberapa tiang yang tegak lurus. Semasa isterinya bersalin, Baginda Ali terdengar bunyi seolah-olah orang yang sedang menjilat-jilat air susu pekat tertumpah di bawah rumah.

Setelah melihatnya, Baginda Ali tidak menyangka bahawa anak lelakinya telah menjilat titisan darah kotoran tembuni ibunya yang sedang bersalin. Melihat kelakuan anaknya seperti haiwan, Baginda Ali amat marah. Beliau memukul pinggang anaknya itu dengan sebatang buluh sehingga berdarah, sambil berkata, “aku sumpah engkau menjadi harimau, perlilah engkau ke hutan belantara, di sanalah tempat engkau hidup. Apabila pada satu masa engkau terserempak dengan manusia di hutan dan kemudian engkau mencabarnya, aku sumpah engkau empat puluh hari empat puluh malam tidak dapat makan dan minum.” Dikatakan bahawa bentuk harimau apabila sedang berjalan kelihatan seperti berlenggang lengkok dan lemah gemalai, kerana disebabkan oleh tulang pinggang

harimau yang tercedera dan patah akibat pukulan Baginda Ali. Menerusi mitos ini juga, orang Kerinci percaya bahawa harimau yang membunuh manusia tidak dapat makan dan minum selama empat puluh hari empat puluh malam, sehingga ia akhirnya akan mati dibunuh orang atau harimau lain.

Dengan sumpahan Baginda Ali, harimau dipercayai tidak akan berani bertentang mata dengan manusia. Hal ini kerana pada keingin manusia ada tertulis kalimah *lā ilāha illa 'Llāh* (tiada tuhan selain Allah). Di samping itu, harimau juga dikatakan takut dengan sumpah laknat yang pernah diterima ke atas dirinya. Oleh yang demikian, harimau dipercayai boleh berbuat baik, iaitu dengan menolong manusia yang tersesat jalan di dalam hutan. Seseorang yang tersesat di dalam hutan hendaklah mengikut jejak tapak kaki harimau ke arah sungai yang mengalir ke hilir kerana di sepanjang sungai itu nanti akan ditemui kediaman manusia. Justeru, kebaikan harimau itu dirujuk sebagai penebus atas kesalahan yang pernah dilakukan terhadap ibu bapanya.

Mitos B ini mencipta suatu sejarah bahawa antara harimau dengan manusia boleh mewujudkan keadaan saling bantu-membantu. Sebaliknya pula, diyakini bahawa harimau akan mengamuk jika terjadi pelanggaran pada pantang larang, sama ada dalam kategori yang berat mahupun yang ringan seperti yang telah ditetapkan, iaitu:

Pelanggaran berat:

- Perzinan yang berlaku dalam kampung dan di ladang
- Kekacauan dan pergaduhan antara ahli lembaga adat

Pelanggaran ringan:

- Perempuan hamil anak pertama pergi ke ladang
- makan menggunakan periuk ketika di ladang
- makan hanya beralaskan selembar daun pisang sahaja
- menjulur kaki bergantung di pelantar rumah pondok di ladang
- bersilat di tengah ladang
- menyisipkan senjata tajam di pinggang sisi hadapan
- pergi ke ladang pada hari besar keagamaan dan adat-istiadat
- jika menangkap ikan di sungai dalam hutan hendaklah meletakkan seekor dua ikan di pinggir sungai itu sebagai makanan harimau
- jika kelihatan harimau melintas jalan sehingga dua kali dengan menampakkan tanda cakaran kukunya di tanah, seseorang

itu tidak boleh meneruskan perjalanan ke ladang.

Apabila berlaku pelanggaran pada pantang larang yang berat, akan dibimbangi nanti harimau ‘mamahoh’ atau mengamuk membaham manusia dan ternakan. Apabila berlaku pelanggaran yang ringan, harimau akan menunjukkan diri dengan melintas di hadapan orang dan kadang-kadang mengeluarkan suara yang kuat sebagai amaran keras tentang kesalahan tersebut. Untuk mengelakkan diri dari gangguan serangan harimau di dalam hutan, harimau akan diseru secara simbolik dengan gelaran ‘nenek pemangku Gunung Raya’.

### **Mitos Asal-usul C**

(Menurut Musami Zainun):

Dalam keluarga dan individu tertentu di daerah Kerinci turut memiliki mitos asal-usul harimau yang dikaitkan dengan keluarga mereka. Mitos ini disampaikan menurut versi dalam variasi mereka sendiri. Sebagai contoh, terdapat satu cerita asal-usul harimau yang diwarisi daripada keluarga Haji Abdul Rahman, di mana pada suatu masa dahulu ada seorang lelaki bernama Capintah telah berkahwin dengan anak raja harimau di Negeri Pasemah Rendah sehingga memperoleh tiga orang anak yang bernama Sari Menanti, Tunggu Marok Si Malim Panjang, dan Si Rintik Hujan Panas. Capintah kemudian telah berkahwin pula di Pasemah Tinggi, iaitu di Desa Pulau Tengah dengan seorang wanita biasa dan mendapat anak yang dipanggil Inoh. Moyang Inoh ini memiliki tujuh orang anak sehingga mewariskan keturunan Capintah sekarang yang masih ramai berdiam di Desa Pulau Tengah, termasuklah Haji Abdul Rahman sendiri sebagai generasi yang ke tujuh Capintah.

Hubungan antara waris keluarga Capintah dengan nenek moyang mereka masih tetap berlangsung. Menurut beberapa informan lain yang juga merupakan cicit moyang Inoh, dalam usaha untuk menjaga hubungan kekeluargaan dengan turunan harimau itu, harus memenuhi syarat yang tertentu. Hal ini dianggap sebagai tanda perhubungan antara nenek dengan cucu cicitnya, terutama bagi keperluan keselamatan diri, dan juga untuk menjaga kebun daripada kecurian serta haiwan perosak. Tanda-tanda yang diberikan itu adalah seperti memacak buluh di setiap penjuru ladang kemudian meletakkan beberapa sen wang syiling ke dalam ruas buluh tersebut. Dengan erti

kata mudah, sekiranya ada di antara keturunan mereka yang menghadapi masalah, maka moyang Capintah akan datang membantu.

(Menurut Haji Abdul Madjid dan Damanhuri Karim):

Terdapat juga kepercayaan sesetengah individu di daerah Kerinci pada harimau ‘sabek’ atau harimau sahabat. Harimau jenis ini dipelihara oleh orang tertentu sebagai ‘harimau belian’ (*spirits helper*) untuk tujuan perubatan dan perbomohan (lihat Winstedt 1982). Dalam kes ini, agak sulit sebenarnya untuk dipaparkan secara terbuka tentang siapakah individu yang memiliki ‘sabek’ tersebut. Selain itu, orang Kerinci turut menerima kewujudan sejenis harimau yang digelar sebagai harimau ‘pamatang’ (permatang). Harimau ini dianggap sebagai harimau Kerinci yang sebenar, dengan ciri-ciri mempunyai lima jari kaki. Ia selalu berkeliaran di kawasan belantara dengan berperanan sebagai penjaga daerah Kerinci. Sekiranya ada harimau dari luar yang masuk ke daerah Kerinci (yang jari kakinya empat), ia akan dibunuh oleh harimau penjaga permatang ini.

Jenis harimau yang dianggap paling istimewa dan unik bagi orang Kerinci ialah harimau ‘jading-jading’ (jadi-jadian), ataupun biasa disebut sebagai harimau ‘cindaku’. Harimau ini merupakan harimau ghaib yang dianggap berasal daripada jelmaan dewa di gunung. Ia boleh mengubah bentuk badannya menjadi seperti manusia. Harimau cindaku tidak berkelakuan ganas dan berbahaya pada manusia. Seekor harimau cindaku dikatakan tidak memiliki lekukan pada bibir atas yang terletak di bawah hidungnya setelah bertukar menjadi manusia. Selain itu, ia juga dikatakan membawa bersama sebilah parang yang tersisip di pinggang, yang berasal daripada ekornya.

#### HARIMAU DAN ATURAN ADAT MASYARAKAT KERINCI

Secara tradisi, orang Kerinci percaya bahawa pola kehidupan alam harimau mirip dengan adat kebiasaan hidup manusia. Oleh kerana itu, harimau ikut dirujuk dalam proses menstrukturkan kehidupan mereka, sehingga hubungan emosi orang Kerinci dengan kehidupan harimau sememangnya cukup beralasan. Gambaran tentang sifat dan ciri-ciri fizikal harimau bukan hanya wujud menerusi ritual-ritual persembahan, pencak silat dan beberapa jenis tarian mereka, malah harimau turut dijadikan model

memperkuatkan konstruksi pelaksanaan hukum adat. Hal ini bersesuaian pula dengan latar belakang pengaturan lembaga hukum adat Kerinci yang tidak pernah meletakkan ketuanan pada seorang raja. Justeru, model karakter harimau ditempatkan pada kedudukan yang tinggi, setaraf dengan tokoh-tokoh perlumbagaan adat itu sendiri, iaitu:

1. pemangku adat, iaitu dipati yang bertindak sebagai ketua adat, di mana taraf kedudukannya sama seperti raja; nenek-mamak yang bertindak sebagai hakim; mangku yang berperanan sebagai setiausaha; golongan cerdik pandai yang menjadi wakil masyarakat; orang-orang tua adat sebagai penasihat lembaga adat; dan hulubalang sebagai penjaga keselamatan negeri,
2. dukun, iaitu ahli perubatan tradisional setempat yang menjaga kesejahteraan dan kesihatan rakyat daripada ancaman sebarang penyakit dan wabak di kampung, manakala bidan pula menangani hal-hal kesihatan wanita, dan
3. agamawan, yang terdiri daripada ulama, kadi, imam, pegawai masjid, dan guru yang mengajarkan al-Quran (Iskandar Zakaria 1984).

Semua ahli lembaga adat ini terlibat dalam pelaksanaan hukum agama dan adat. Mereka mengamalkan prinsip kerjasama antara satu sama lain, seperti yang disebut oleh orang-orang tua Kerinci sebagai ‘satu tungku tiga kaki sepenjerangan’, di mana anggota masyarakat menjadi wadahnya. Penyesuaian terhadap dua punca peraturan yang berbeza sumbernya, iaitu di antara hukum adat dengan hukum agama, yang dihubungkan pula dengan kepercayaan orang Kerinci pada mitos harimau; dikotakkan ke dalam tradisi yang berada pada garis yang horizontal kedudukannya. Harimau dalam konteks kepercayaan orang Kerinci jauh berbeza jika dibandingkan misalnya, dengan kepercayaan orang Nepal di Asia Tengah terhadap gajah. Orang Nepal melihat gajah terletak pada hubungan secara vertikal, kerana haiwan itu dianggap sebagai ‘*bhagawan*’ yang disembah sebagai Tuhan.<sup>2</sup> Sebaliknya bagi orang Kerinci, harimau bukan menjadi objek sembahannya seperti dewa, tetapi seperti dalam posisi garis horizontal, di mana fungsi dan peranannya secara simbolik disetarakan dengan tokoh adat. Oleh itu, harimau sering dirujuk sebagai ‘orang tua’ yang hidup di gunung (Gunung Raya).

Sesuai dengan sifatnya sebagai ‘orang tua’ yang sentiasa dirujuk, secara mistik orang Kerinci turut percaya bahawa harimau memiliki ‘telinga tanah’ – yang mengetahui apa yang berlaku dalam kehidupan

manusia (Hebransyah et al. 2013: 8). Dengan erti kata lain, harimau di gunung menyedari tentang masalah pelanggaran hukum adat dan agama di kampung. Sekiranya ada di antara ahli-ahli adat yang tidak sefahaman, ataupun tidak adil dalam membuat keputusan, dikatakan bahawa harimau akan ‘ngahau’, iaitu masuk ke kampung mengganggu manusia. Menurut informan (Haji Harun), apabila ada harimau yang masuk ke kampung, ahli lembaga adat perlu membuat permohonan maaf dengan mengadakan persemaahan sirih sekapur kepada dipati (ketua lembaga adat) sebagai tanda mengakui kesalahan dan kelalaian pada hal-hal yang berlaku dalam masyarakat. Setelah itu, mereka hendaklah menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku di kampung.

Salah satu bentuk penyelesaian masalah seumpamanya yang menarik dilihat di Desa Pulau Tengah adalah mengenai kes persetubuhan haram. Jika seorang perempuan yang berstatus bujang didapati ‘imbik’, iaitu hamil tanpa berkahwin, lembaga adat perlu mengahwinkan perempuan itu dengan pasangannya. Setelah acara perkahwinan selesai, suami (iaitu pasangan lelaki yang melakukan persetubuhan haram dengan perempuan tersebut) akan disebat dengan rotan seratus kali, manakala perempuan yang hamil itu pula akan disebat selepas melahirkan anak. Seterusnya, pasangan terbabit akan dibawa bertemu alim-ulama untuk mengisyiharkan taubat, agar mereka dapat diterima semula ke pangkuhan masyarakat. Sehingga sekarang, praktik hukuman sebat dengan rotan seperti ini masih diamalkan di Desa Pulau Tengah untuk menangani kes persetubuhan haram. Ia dijalankan oleh lembaga adat tanpa mendapat apa-apa halangan daripada pemerintah pusat Jakarta.

Dalam memori penduduk Desa Pulau Tengah, antara tahun 1980 sehingga hujung tahun 2000, berlaku beberapa kes harimau masuk ke kampung dan menyerang manusia, khususnya di ladang-ladang daerah Kerinci. Ramai mangsa serangan harimau mengalami kecederaan parah, sehingga ada di antara mereka yang menemui ajal (lihat Hartana & Martyr 2001). Kes harimau masuk kampung seringkali ditafsirkan oleh mereka sebagai pelaksanaan hukuman yang dilakukan oleh ‘orang tua’ di gunung, dengan mengambil alih tugas daripada ahli lembaga adat. Peranan kuat kuasa yang diambil alih oleh harimau merupakan suatu perkara yang masuk akal (*make sense*) kepada mereka, lebih-lebih lagi jika bentuk pelanggaran adat yang berlaku itu adalah kes persetubuhan haram.

Menurut informan (Syamsu Kadir), pada tahun 1986 seorang wanita telah cedera diserang seekor harimau ketika berada di pelantaran rumah ladangnya di Desa Pengasih, Kerinci. Wanita yang bukan berasal dari pedesaan tersebut, sebelumnya dipercayai telah berkhawat dengan lelaki lain ketika suaminya tidak ada di rumah ladang. Ketua lembaga adat menasihati wanita itu dan pasangannya untuk bertaubat kerana melanggar hukum adat dan agama. Mereka kemudian dikenakan denda sejumlah wang dan perlu memohon maaf menggunakan persemaahan sekapur sirih sebagai tanda pengakuan bersalah kepada pihak lembaga adat Desa Pengasih. Hal yang sama juga berlaku ke atas seorang lelaki di Desa Talang Kemuning pada tahun 1987. Beliau maut dibaham harimau semasa bekerja di ladang kulit kayu manis miliknya. Sebelum kejadian itu, lelaki tersebut dipercayai telah berlaku serong dengan isteri orang.

Tempoh awal tahun 1980-an merupakan era di mana kehidupan sosiobudaya dan ekonomi masyarakat Kerinci sedang mengalami perubahan drastik. Dalam mengejar perubahan itu, ada sesetengah pihak cuba untuk tidak berkompromi dengan hukum adat, sehingga mewujudkan perilaku-perilaku sosial yang tidak patut. Pada masa yang sama, hutan belantara juga diterokai tanpa cara yang wajar, dengan tidak merujuk nasihat dan pandangan lembaga adat. Tunjuk ajar orang-orang tua pula tidak lagi menjadi perhatian, apatah lagi dalam konteks mitos harimau, ia hanya dianggap sebagai kisah lipur lara yang tiada kena mengena dengan keperluan hidup di dunia moden. Perubahan demi perubahan yang berlaku dalam menangani keperluan hidup yang lebih materialis telah menipiskan perhatian pada peraturan adat, sehingga meletakkan mereka ke dalam cara hidup yang tidak ideal. Hal yang demikian berlawanan dengan konsep hidup yang pernah dituturkan oleh nenek mamak orang-orang tua Kerinci, sebagai ‘alam berkatup dua’, iaitu:

1. katup (pintu) pertama: kehidupan di alam dunia bersumberkan tradisi adat resam nenek moyang turun-temurun
2. Katup (pintu) kedua: kehidupan di alam akhirat bersumberkan al-Quran dan hadis

Justeru, mitos harimau amat perlu dalam usaha untuk menyampaikan pesanan, dengan bertindak sebagai pengingat peristiwa masa lalu, bagi memperkuatkan apa yang telah disepakati sejak dahulu menjadi konsep aturan dalam kelompok mereka. Inilah fungsi mitos sebagaimana yang

telah disebutkan oleh Eliade (1963), iaitu untuk membangunkan suatu model perlakuan yang ideal dalam masyarakat. Mitos menjadi penegasan kepada tradisi, pantang larang dan peraturan sosial yang secara keseluruhannya mentakrif dan membentuk perlakuan kolektif masyarakat Kerinci di Desa Pulau Tengah.

## PENUTUP

Sebagai tradisi lisan, mitos harimau telah memberikan suatu sumbangan yang bererti dalam memperkuuhkan kedudukan aturan hukum. Kes-kes serangan harimau terhadap orang-orang kampung tidak dipandang sebagai tindakan yang merosakkan manusia tetapi dilihat mempunyai hubungan sebab-akibat yang cukup jelas, dengan punca permasalahan yang dapat diterima secara logik dalam pengertian kebudayaan mereka. Dengan erti kata jelas, ia merupakan salah satu bentuk konsekuensi dengan pembuktian yang tidak dapat dimungkiri oleh setiap orang yang berada di daerah Kerinci. Tindakan harimau mengamuk membaham manusia, tidak seperti difahami oleh kebanyakan orang, iaitu dalam konteks ‘kerana harimau terancam kelaparan’. Sebaliknya, orang Kerinci percaya bahawa harimau mengamuk kerana ada dalam kalangan mereka yang telah melakukan pelanggaran ke atas aturan-aturan hukum.

Dalam kehidupan spiritual orang Kerinci, harimau tidak pernah dianggap sebagai entiti yang dikeramatkan dan dipuja. Timbulnya kepercayaan terhadap harimau, tentunya berdasarkan bukti-bukti tindakan yang telah diperlihatkan. Dengan sifat karakter yang tegas dan menggerunkan, kehadiran harimau di tengah-tengah masyarakat dihormati sebagai ‘orang tua’ yang datang memperbetulkan keadaan, selain dianggap sebagai ‘sahabat’ yang sentiasa menghulurkan bantuan. Mitos harimau yang tersemat dalam fikiran mereka tidak mendapat sebarang percanggahan dalam hukum adat dan hukum agama. Malahan, secara praktikal mitos harimau meringankan tanggungjawab lembaga adat dalam menerapkan aturan-aturan hukum masyarakat. Kedua-dua bentuk aturan hukum tersebut hampir memiliki ciri dan fungsi yang sama dalam peranannya, iaitu untuk mendidik manusia agar mereka sentiasa hidup dalam ketertiban dan kesejahteraan.

Wujudnya mitos harimau, perlu difahami sebagai kearifan masyarakat tradisional yang patut dipelihara. Pewujudan mitos itu merupakan hasil

daripada ketelitian pemikiran nenek moyang yang bijak membaca dan memahami fenomena alam, di mana mereka amat menghargai setiap potensi alam yang ada. Pemahaman itu dibina sesuai dengan konteks aturan hidup dan akhirnya dapat dimanfaatkan bagi keperluan mengawal perlakuan masyarakat untuk membentuk keperibadian, agar dapat menghargai bahawa makhluk selain daripada manusia juga berperanan dalam membantu kehidupan mereka menjadi sempurna. Dengan demikian kewujudan mitos harimau berada pada kedudukan yang selaras dengan pandangan dunia orang Kerinci yang berkONSEP hidup di ‘alam berkutup dua’. Konsep ini merupakan pemanjangan antara pelaksanaan hukum adat dan hukum agama yang menjadi asas penting bagi masyarakat Kerinci di Desa Pulau Tengah sebagai usaha sepatutnya untuk memperoleh kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

## NOTA

<sup>1</sup> Negeri Pasemah dalam mitos harimau di Kerinci adalah sebuah negeri yang terletak di persekitaran Gunung Raya, iaitu di Banjaran Barisan yang paling tinggi di Sumatera. Namun sekarang daerah yang bernama Pasemah secara geografinya terletak di daerah Pagar Alam, Lahat, Sumatera Selatan. Kata Pasemah berasal daripada kata ‘semah’ yang bermaksud suci atau bersih, seperti kata bersemah yang ertiinya bersuci.

<sup>2</sup> Hal ini berdasarkan pandangan Sony Panjcas, seorang warganegara Nepal yang bekerja di Malaysia – hasil perbualan penulis dengan beliau di rumahnya di Seksyen 17 Petaling Jaya, Selangor pada Disember 2013.

## RUJUKAN

- Barthes, R. 1972. *Mythologies* (selected and translated from the French by A. Lavers). London: J. Cape.
- Bascom, W. 1984. The forms of folklore: Prose narratives. Dlm. Dundes, A. (ed.). *Sacred Narrative: Readings in the Theory of Myth*: 5-29. Berkeley: University of California Press.
- Campbell, J. 1988. *The Power of Myth*. New York: Doubleday.
- Dedi Haryanto et al. 2013. Gerak tari tradisional mengaguh harimau di desa Pulau Tengah Kabupaten Kerinci dalam karya lukis. *Serupa: the Journal of Arts Education* 1(2): dalam proses cetakan.
- Dundes, A. 1984. *Sacred Narrative: Readings in the Theory of Myth*. Berkeley: University of California Press.
- Durkheim, E. 1961. *The Elementary Forms of the Religious Life*. New York: Collie Books.
- Eliade, M. 1963. *Myth and Reality*. New York: Harper & Row.

- Haji Abdul Rahman Dahlan. 2004. Asal persahabatan orang Kerinci dengan harimau (catatan peribadi yang tidak diterbitkan).
- Hartana, A.T. & Martyr, D.J. 2001. Kerinci Seblat tiger protection project: Report on activities and progress 2000-2001. Laporan tidak diterbitkan, Kerinci Seblat National Park and Flora & Fauna International, Sungai Penuh Indonesia.
- Liskha Nurlidya. 2007. Tari mengagah harimau dalam upacara kenduri sko di Pulau Tengah Kecamatan Keliling Danau Kabupaten Kerinci: Tinjauan koreografi. Skripsi Universitas Negeri Padang, Indonesia.
- Hebransyah Usman. et al. 2013. Ritual mengagah harimau di Kerinci: Memahami kearifan tempatan dalam pelestarian alam. Kertas kerja dibentangkan dalam Regional Conference on Local Knowledge (RCLK) 2013. Sutra Beach Resort, Kuala Terengganu, Malaysia. 6-7 Oktober
- Honko, L. 1984. The problem of defining myth. Dlm. Dundes, A. (ed.). *Sacred Narrative: Readings in the Theory of Myth*: 41-52. Berkeley: University of California Press.
- Idris Djakfar Depati Agung. 2001. *Seri Sejarah Kerinci I: Menguk Tabir Sejarah di Alam Kerinci*. Kerinci: Percetakan Anda.
- Iskandar Zakaria. 1984. *Tambo Sakti Alam Kerinci*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Proyek Penerbitan Buku Sastra Indonesia dan Daerah.
- Kirk, G.S. 1984. On defining myths. Dlm. Dundes, A. (ed.). *Sacred Narrative: Readings in the Theory of Myth*: 53-61. Berkeley: University of California Press.
- Peletz, M. 1993. Knowledge, power, and personal misfortune in Malay context. Dlm. Watson, C.W. & Ellen, R.F. (ed.). *Understanding Witchcraft and Sorcery in Southeast Asia*: 149-177. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Radcliffe-Brown, A.R. 1965. *Structure and Function in Primitive Society*. London: Cohen & West Limited.
- Skeat, W.W. 1984. *Malay Magic: Being Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Swettenham, F.A. 1903. *Malay Sketches*. London & New York: John Lane.
- Winstedt, R.O. 1982. *The Malay Magician: Being Shaman, Saiva and Sufi*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Yunasril Ali, et al. 2005. *Adat Bersendi Syara: Sebagai Fondasi Membangun Masyarakat Madani di Kerinci*. Jambi: STAIN Kerinci Press.
- Zainal Abidin bin Ahmad. 1922. The “akuan” or spirit friends. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 86: 378-384.
- Zainal Abidin bin Ahmad. 1925. Dato’ Paroi were-tiger. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 3(1): 74-78.

### Senarai Informan

- Damanhuri Karim. Petani. Temubual diadakan di rumah beliau di Desa Pulau Tengah, Kerinci, Indonesia pada tahun 2013.
- Haji Abdul Madjid Abu Bakar. Tokoh adat. Temubual diadakan di rumah beliau di Desa Pulau Tengah, Kerinci, Indonesia antara tahun 2007-2008.
- Haji Harun Yunus. Tokoh adat dan agama. Temu bual diadakan di rumah beliau di Desa Pulau Tengah, Kerinci, Indonesia pada tahun 2013.

- Haji Ismail Tengkudji. Tokoh agama. Temubual daripada pertemuan tidak langsung di rumah beliau di Desa Pulau Tengah, Kerinci, Indonesia pada tahun 2006.
- Haji Nurdin Ahmad Seri. Tokoh agama dan lembaga adat. Pertemuan tidak langsung di Desa Pulau Tengah, Kerinci, Indonesia sekitar tahun 1996.
- Harun Pasir. Budayawan tempatan. Temubual diadakan di rumah beliau di Desa Pulau Tengah, Kerinci, Indonesia antara tahun 2007-2008.
- Musami Zainon. Petani. Temubual diadakan di rumah beliau di Desa Pulau Tengah, Kerinci, Indonesia pada tahun 2013.
- Syamsu Kadir Idris. Petani. Temubual diadakan di rumah beliau di Desa Koto Iman, Danau Kerinci, Indonesia pada tahun 2013.

Hebransyah Usman  
Calon Sarjana  
Jabatan Kesusastraan Melayu  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.  
Emel: hebransyahusman@gmail.com

Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah  
Pengajar  
Jabatan Sosio Budaya Melayu  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.  
E-mail: whwmdasuki@gmail.com

